



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 AUGUST 2016

## Dr. Mahathir mohon maaf

um - 26/8/2016

**KUALA LUMPUR 25 Ogos** - Tun Dr. Mahathir Mohamad secara terbuka mengakui dan memohon maaf berhubung tindakan beliau membuat pindaan terhadap perkara membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong di dalam Perlembagaan Persekutuan ketika menjadi Per-

dana Menteri.

Dr. Mahathir mengakui, tindakan beliau itu telah menyebabkan kelulusan serta tandatangan Yang di-Pertuan Agong tidak diperlukan untuk suatu Akta Parlimen dijadikan sebagai undang-undang.

Beliau membuat permohonan maaf berkenaan kerana kononnya mendakwa disebabkan pindaan dilakukan ketika itu telah membolehkan Akta Majlis Keselamatan Negara dikuatkuasakan tanpa persetujuan dan tandatangan daripada Yang di-Pertuan Agong.

“Saya dengan penuh ikhlas memohon maaf kerana membuat pindaan tersebut yang terbuka kepada tafsiran berbeza,” kata beliau menerusi entri terbaharu di blognya, *Chedet.cc*.

Dalam pada itu, meskipun telah memohon maaf, Dr. Mahathir dilihat tetap cuba mempertahankan tindakan beliau tersebut apabila mendakwa pindaan berkenaan tidak meliputi semua undang-undang.

Dr. Mahathir memberitahu, terdapat beberapa undang-undang yang diluluskan Parlimen masih perlu mendapat tandatangan Seri Paduka Baginda, termasuklah 30 prosiding dalam Perlembagaan yang memerlukan persetujuan Yang di-Pertuan Agong tanpa mendapatkan nasihat Perdana Menteri.

Beliau berkata, antara hak dan kuasa tersebut termasuklah mengisytiharkan darurat yang merupakan keistimewaan diberi kepada Yang di-Pertuan Agong memandangkan implikasinya amat serius.

“Pindaan kepada Perlembagaan yang menyebabkan persetujuan serta tandatangan Yang di-Pertuan Agong tidak lagi diperlukan bukanlah menyeluruh. Persetujuan dan tandatangan itu masih lagi diperlukan jika akta dicadangkan menyentuh kuasa serta kedudukan Yang di-Pertuan Agong.

“Akta Majlis Keselamatan Negara jelas memberi kesan ke atas kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat, yang mana kuasa tersebut tidak lagi bermakna. Untuk akta ini, persetujuan serta tandatangan Yang di-Pertuan Agong masih diperlukan,” jelas beliau.